

**SENARAI PROGRAM / PROJEK PEMBAHARUAN DAN PENAMBAHBAIKAN BAGI TAHUN KEWANGAN 2019 / 2020  
DIBAWAH KEMENTERIAN KEWANGAN DAN EKONOMI**

	Tajuk Program / Projek	Fokus WPA 21	Objektif	Keterangan Ringkas Program / Projek
<b>JABATAN KASTAM DAN EKSAS DIRAJA</b>				
1	Hari Mesra Pelanggan Jabatan Kastam dan Eksais Diraja	Pelakuan Organisasi	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Mengetahui kepentingan khidmat pelanggan yang baik dan berkesan</li> <li>• Memahami hubungan kemanusiaan didalam sesuatu situasi yang berbeza-beza</li> <li>• Mempraktikkan teknik-teknik komunikasi yang lebih baik dalam khidmat pelanggan.</li> <li>• Memperbaiki imej diri dan mengetahui panduan tentang tatacara menyambut pelanggan dengan mesra</li> <li>• Mengaplikasi sikap-sikap positif dalam membentuk khidmat pelanggan yang cemerlang.</li> <li>• Menyedari pentingnya menyambut telefon dengan baik dengan tutur kata penuh sopan dan perkhidmatan kaunter yang lebih berkesan.</li> <li>• Menangani pelanggan-pelanggan yang sukar dan memproses aduan dengan bersistematik</li> </ul>	Bertujuan untuk memberikan peluang kepada orang ramai menyuarakan aduan, cadangan dan penghargaan kepada Kerajaan. Bagi orang ramai yang hadir akan diberi peluang untuk mengajukan soalan / pandangan dan sebagainya kepada Pengerusi dan juga kepada panel. Ianya juga membantu agensi-agensi kerajaan bagi mengenalpasti teknik atau kaedah pendekatan awam yang sesuai bagi mencapai objektif yang dihasratkan daripada program Hari Mesra Pelanggan.
<b>JABATAN PERANCANGAN EKONOMI DAN STATISTIK</b>				
2	eData Library	Struktur Organisasi	eData Library mengamalkan konsep keterbukaan data ( <i>data openness</i> ). Keterbukaan data adalah satu konsep di mana data-data perangkaan daripada pelbagai agensi kerajaan diterbitkan dalam satu portal secara terbuka. Tujuannya adalah untuk memudahkan para pengguna perangkaan mengakses, memuat turun, mengguna dan menganalisa data untuk apa jua kegunaan tersendiri. Pendekatan keterbukaan data adalah sebagai langkah permulaan inisiatif Jabatan ke arah penyediaan <i>Interactive Web Page</i> di jangka masa sederhana. Dengan adanya tambahan ciri-ciri ini, ianya akan memperluaskan lagi khidmat penyebaran data rasmi yang dikeluarkan oleh Jabatan ini, ke arah kesejajaran dengan amalan-amalan antarabangsa.	eData Library adalah salah satu inisiatif Jabatan Perancangan Ekonomi dan Statistik melalui Jabatan Perangkaan dalam meningkatkan keterbukaan data ( <i>data openness</i> ) bagi kegunaan perancang, penggubal dasar, penyelidik, akademik dan orang ramai. eData Library mengandungi data siri ( <i>data series</i> ) yang meliputi statistik rasmi terkini mengenai ciri-ciri demografi, sosial dan ekonomi umum Negara Brunei Darussalam. Inisiatif ini akan <i>complement</i> usaha-usaha penyebaran statistik yang dilaksanakan oleh JPES termasuk laporan-laporan dikeluarkan kepada orang ramai secara percuma mulai tahun 2019, dan data-data makroekonomi utama turut dikeluarkan melalui <i>National Summary Data Page</i> (NSDP).
<b>JABATAN PERSAINGAN DAN HAL EHWAL PENGGUNA (DCCA)</b>				
3	Siri Bengkel Menentang Tipuan Bidaan di dalam Perolehan Awam	Pelakuan Organisasi	<ul style="list-style-type: none"> <li>i) Meningkatkan kefahaman pegawai-pegawai perolehan mengenai tipuan bidaan dan kemudaratanya di dalam penggunaan sumber Kerajaan; dan</li> <li>ii) Membantu pegawai-pegawai perolehan dalam mereka-bentuk tender bagi penambahbaikan proses dan prosedur perolehan ke arah meminimakan risiko penipuan bidaan, dan mengesan penipuan bidaan.</li> </ul>	<p>Penipuan bidaan (tawaran secara kolusif) atau <i>bid rigging</i> merupakan di antara salah satu larangan anti-persaingan di bawah Perintah Persaingan. Penipuan bidaan boleh menyebabkan bebanan kewangan yang besar kepada ekonomi sesebuah negara. Siri bengkel menentang tipuan bidaan di dalam perolehan awam dengan tema "<i>Spot and Stop Bid Rigging</i>" telah diungkayahkan dengan melibatkan tiga kementerian yang dikenalpasti, iaitu (i) Kementerian Kesihatan; dan (ii) Kementerian Pembangunan; dan (iii) Kementerian Pendidikan.</p> <p>Bengkel dikendalikan oleh perwakilan daripada <i>Indonesia Competition Commission</i> (ICC).</p>

**SENARAI PROGRAM / PROJEK PEMBAHARUAN DAN PENAMBAHBAIKAN BAGI TAHUN KEWANGAN 2019 / 2020  
DIBAWAH KEMENTERIAN KEWANGAN DAN EKONOMI**

	Tajuk Program / Projek	Fokus WPA 21	Objektif	Keterangan Ringkas Program / Projek
4	Pelonggaran Dasar Penetapan Harga Maksimum Bata Tanah Liat	Dasar	Meningkatkan tahap daya saing di dalam pasaran tempatan dan menggalakkan inovasi dan produktiviti bagi para syarikat pengeluar bata tanah liat tempatan. Ia juga bertujuan untuk menjadi salah satu mekanisme <i>check and balance</i> bagi mengelakkan amalan anti-persaingan di kalangan pengeluar dan seterusnya menggalakkan pertumbuhan aktiviti perdagangan yang lebih berdayatahan.	Dasar penetapan harga maksimum bata tanah liat dilonggarkan ( <i>deregulate</i> ) bermula 1 Ogos 2019, dengan tujuan bagi memberi ruang kepada pembekal atau pengeluar bata tanah liat di Negara Brunei Darussalam untuk bersaing secara kompetitif dalam menawarkan harga yang bersesuaian di pasaran tempatan.  Pelonggaran dasar ini telah dilaksanakan mengambil kira dalam tempoh tiga tahun pelaksanaannya, Jabatan mendapati pelbagai impak negatif dihadapi di pasaran sejak bata tanah liat ditetapkan harga maksimum pada tahun 2014, termasuk kekurangan bekalan bata tanah liat di pasaran.
5	Pelonggaran Dasar Penetapan Harga Maksimum ke atas Kenderaan Bermotor Penumpang	Dasar	Memastikan dasar kerajaan adalah selaras dengan matlamat ekonomi jangka masa panjang dan relevan dengan konteks ekonomi semasa negara yang memberikan penekanan kepada kecekapan pasaran ( <i>market efficiency</i> ) melalui persaingan yang sihat bagi menggalakkan perkembangan ekonomi negara yang berdaya tahan.	Bermula 1 Julai 2020, dasar penetapan kadar keuntungan kenderaan bermotor penumpang baru telah dilonggarkan kepada kaedah pemantauan harga. Dengan ini, syarikat-syarikat pengedar kini menentukan harga kenderaan baharu secara <i>independent</i> dan hanya dikehendaki untuk menghadapkan maklumat kos, harga dan inventori kepada pihak Jabatan Perancangan Ekonomi dan Statistik (JPES) setiap bulan bagi tujuan pemantauan pelaksanaan pelonggaran dasar tersebut.  Pembaharuan ini dilaksanakan mengambilkira landskap pasaran kenderaan bermotor penumpang baru kini telah berkembang di mana terdapat banyak pilihan model dengan harga berbeza-beza di pasaran. Ini telah mengakibatkan dasar kawalan harga melalui penetapan kadar keuntungan menjadi tidak efektif bagi mencapai objektif yang dihasratkan, iaitu menjamin aksesibiliti dan mampu-milik ke atas kenderaan bermotor penumpang. Selain itu, dasar kawalan harga di negara-negara lain juga telah dihentikan ( <i>phased-out</i> ) dan hanya dilaksanakan dalam keadaan darurat.
6	Pemberigaan Perintah Pelindungan Pengguna (Perdagangan Wajar)	Pelakuan Organisasi	Meningkatkan kesedaran orang ramai khususnya pengguna mengenai perundangan perlindungan pengguna di Negara ini di samping menggalakkan amalan pengguna bijak. Orang ramai juga dihasratkan dapat mengamalkan hak mereka sebagai pengguna termasuk hak mendapat maklumat dan hak untuk diberikan tuntutan jika sekiranya terdapat pertikaian di antara pengguna dan peniaga.	Inisiatif ini berhasrat untuk meningkatkan kesedaran orang ramai mengenai dengan perlindungan pengguna di Negara ini melalui sesi pemberigaan, dialog, forum, jerayawara ke institusi pendidikan, acara awam, agensi berkepentingan dan para peniaga. Ini adalah selaras dengan visi jabatan dalam mencapai pasaran yang cekap dan kebajikan pengguna yang terpelihara.

**SENARAI PROGRAM / PROJEK PEMBAHARUAN DAN PENAMBAHBAIKAN BAGI TAHUN KEWANGAN 2019 / 2020  
DIBAWAH KEMENTERIAN KEWANGAN DAN EKONOMI**

	Tajuk Program / Projek	Fokus WPA 21	Objektif	Keterangan Ringkas Program / Projek
7	Latihan Perlindungan Pengguna bersama Suruhanjaya Persaingan dan Pengguna Singapura (CCCS)	Pelakuan Organisasi	<p>Latihan ini bertujuan untuk:</p> <ul style="list-style-type: none"> <li>i) Membincangkan aspek praktikal dan urus tadbir institusi dalam melaksanakan dan menguatkuasakan perundangan perlindungan pengguna termasuk kaedah pengendalian aduan dan pemberiagan yang berkesan;</li> <li>ii) Meningkatkan kefahaman mengenai skop perundangan, peranan agensi perlindungan pengguna, isu pengguna melalui perkongsian pengetahuan dan pengalaman; dan</li> <li>iii) Memperlengkapkan peserta dengan amalan-amalan terbaik agensi masing-masing serta antarabangsa.</li> </ul>	<p>Latihan Perlindungan Pengguna dikendalikan oleh Jabatan Persaingan dan Hal Ehwal Pengguna (DCCA) bersama Suruhanjaya Persaingan dan Pengguna Singapura (CCCS) bagi melengkapkan pegawai dan kakitangan DCCA dengan pengetahuan dan kemahiran serta amalan-amalan terbaik agensi-agensi perlindungan pengguna serantau, khususnya dari Singapura.</p> <p>Latihan ini diberikan kepada pegawai dan kakitangan DCCA serta wakil daripada agensi-agensi Kerajaan lain yang mempunyai fungsi dan tanggungjawab ke atas perlindungan pengguna sektoral seperti Pihak Berkuasaa bagi Teknologi Info-Komunikasi (AITI), Jabatan Pengangkutan Darat (JPD), Autoriti Elektrik Brunei Darussalam (AEBD) dan agensi-agensi yang berkaitan seperti Pejabat Peguam Negara termasuk Tribunal Tuntutan Kecil, Darussalam Enterprise (DARe) dan Kementerian Tenaga (Tenaga &amp; Manusia) dan Perindustrian, termasuk Unit <i>Ease of Doing Business</i> dan Pusat Piawaian Kebangsaan.</p>
<b>TABUNG AMANAH PEKERJA</b>				
8	Perkhidmatan "TAP MEMBANTU"	Struktur Organisasi	<p>Dalam usaha berterusan Tabung Amanah Pekerja (TAP) untuk memberikan perkhidmatan yang cemerlang kepada ahli-ahli TAP termasuk mereka yang memerlukan bantuan pergerakan (kerusi roda) dan berkelainan upaya. Dengan ini, pihak TAP memperkenalkan perkhidmatan "TAP Membantu" yang bertujuan bagi memudahkan serta memberi kesenangan kepada orang ramai untuk berurusan dengan TAP.</p>	<p>Perkhidmatan "TAP Membantu" ini menyediakan kaunter khas bagi ahli yang memerlukan perkhidmatan kerusi roda dan bantuan semasa ketibaan untuk memudahkan dan mengurangkan masa menunggu.</p> <p>Bagi individu-individu yang mempunyai kesulitan dari segi mobiliti untuk mengunjungi mana-mana kaunter TAP sama ada disebabkan oleh sakit atau kurang upaya, mereka bolehlah menghubungi TAP untuk membuat perjanjian bagi membolehkan wakil TAP membuat kunjungan dan menyampaikan perkhidmatan yang diperlukan.</p> <p>Bagi memudahkan urusan dalam berkomunikasi bersama ahli yang mempunyai kesulitan dari segi penglihatan dan pendengaran, pihak TAP mempunyai kakitangan-kakitangan yang mahir dalam penggunaan bahasa isyarat dan akan sedia membantu jika diperlukan.</p>